

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013

NAMA KURSUS	:	PEMASARAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBG 33403
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA DARI TUJUH (7) SOALAN YANG DISEDIAKAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Sekolah Menengah Vokasional di seluruh Malaysia telah melakukan transformasi pendidikan dan memulakan sesi pengajiannya sebagai Kolej Vokasional bermula tahun 2013 ini. Jesteru anda sebagai seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG52 dengan jawatan sebagai pengetua di sebuah Kolej Vokasional di Sabah bertanggungjawab membuat pengambilan secara berasingan mengikut kolej masing-masing.

Rancangkan secara jelas strategi pemasaran anda bagi memastikan pengambilan pelajar bagi setiap program yang ditawarkan bagi tahun 2013 menepati sasaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia.

(20 markah)

- S2** Organisasi Kementerian Pelajaran Malaysia merangkumi Unit Komunikasi Korporat yang bertindak menyebarluaskan segala aktiviti kementerian terbabit.

Huraikan secara terperinci lima tugas khusus unit tersebut sebagaimana digariskan dalam laman sesawang mereka.

(20 markah)

- S3** Penstrukturran semula organisasi di sekolah rendah seluruh negara telah bermula dengan penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 sejak tahun 2006. Walaubagaimanapun pangkat seorang Guru Besar di sekolah rendah masih tidak berubah iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG34. Keadaan ini menggambarkan pangkat seorang Guru Besar adalah rendah berbanding pegawai yang baru ditempatkan di sekolah rendah berkenaan. Manakala anda adalah seorang Guru Besar yang terlibat dalam situasi ini dan telah menerima dua (2) orang guru berpengalaman dan tiga (3) orang guru baru dengan Gred DG41 secara serentak pada tahun 2011.

Huraikan tindakan yang telah anda rancangkan untuk mereka bagi menyemarakkan lagi rancangan kecemerlangan pelajar sekolah anda untuk tempoh lima (5) tahun (bermula dari tahun 2012).

(20 markah)

- S4** Pendidikan di Malaysia dicorakkan mengikut tuntutan semasa menerusi penyemakan semula Akta Pelajaran 1961 dan penggubalan Akta Pendidikan 1996. Lantaran itu, kerajaan telah menjalankan dasar liberalisasi pendidikan yang membawa kepada perubahan besar dalam perkembangan pendidikan negara kita termasuklah dasar pemasaran pendidikan.

(a) Terangkan maksud liberalisasi dalam konteks pendidikan negara kita?

(4 markah)

(b) Huraikan dua model liberalisasi pendidikan yang mempengaruhi sistem pendidikan negara kita.

(6 markah)

(c) Jelaskan secara terperinci empat kesan negatif akibat dari konspirasi liberalisasi pendidikan negara.

(10 markah)

- S5** Sejak tahun 1998 semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah dikorporatkan. Pengkorporatan ini melibatkan pemindahan aset, tanggungan, hak dan obligasi IPTA kepada entiti korporat yang diwujudkan di bawah Akta Syarikat 1965.
- (a) Apakah tujuan pengkorporatan tersebut? (2 markah)
- (b) Huraikan konsep *Devolution* yang boleh dikaitkan dengan budaya pengkorporatan. (6 markah)
- (c) Terangkan enam (6) kelebihan budaya korporat yang diaplikasikan oleh IPTA sekarang. (12 markah)
- S6** Falsafah Pendidikan Negara berbunyi:
- “Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.**
- (a) Nyatakan Visi dan Misi Kementerian Pelajaran Malaysia. (4 markah)
- (b) Nyatakan jenis sekolah rendah yang terdapat di Malaysia. Kemudian terangkan ciri-ciri setiap jenis sekolah tersebut. (8 markah)
- (c) Terangkan empat (4) ciri utama murid-murid yang diperkasakan oleh sekolah rendah sehingga menjadikan mereka unggul dalam persaingan di persada antarabangsa. (8 markah)
- S7** Faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian pendidikan termasuklah taraf sosioekonomi, kesihatan, tempat tinggal, struktur keluarga, tahap pendidikan ibubapa, cara memberi pendidikan serta pengaruh luar dan rakan sebaya. Walaubagaimanapun cara kerja dan pendekatan sistem pendidikan negara kita dewasa ini juga dipengaruhi dengan Sistem Pengurusan Kualiti dan Pengurusan Kualiti Menyeluruh sebagaimana termaktub dalam Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2002.
- Huraikan sejauhmanakah pernyataan di atas saling berhubungkait dan saling membantu dalam memartabatkan negara Malaysia di mata dunia di samping meningkatkan tahap Skor Purata Antarabangsa menerusi sistem pendidikan negara bagi subjek yang berkaitan. (20 markah)